

Resolusi tahun baru untuk jayakan cita-cita"

PERCAYA DIRI SENDIRI — PM

KUALA LUMPUR 31 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta seluruh rakyat Malaysia menaruh kepercayaan ke atas diri sendiri sebagai resolusi tahun baru.

Perdana Menteri juga mahu rakyat bekerja dengan lebih gigih dan sedia untuk mempelajari kesilapan mereka.

"Yakinilah kepada kemampuan kita, insya-Allah kita boleh merancang dan menjayakan cita-cita untuk memberi kehidupan yang lebih bermakna, bahagia dan penghormatan kepada negara yang kita cintai ini," katanya.

Dalam perutusan tahun baru yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia malam ini, Perdana Menteri menegaskan, bagi pihak kerajaan pula, beberapa dasar baru yang akan mengimbangkan pembangunan semua kaum se-

ra adil dan membasmi kemiskinan akan digubal semula.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga berjanji akan lebih teliti dalam melaksanakan dasar-dasar baru kerajaan serta mengurus kewangan negara dengan lebih cekap dan cermat supaya setiap sen mendatangkan hasil kepada rakyat.

"Kita sudah mengenalpasti kelemahan-kelemahan dasar ekonomi negara dan kita percaya kita boleh mengatasinya jika semua pihak menaruh keyakinan ke atas diri mereka sendiri.

"Dan sedar atau tidak tahun 1990 telah menghasilkan pekerja Malaysia yang lebih maju, tahap pelajaran yang tinggi, penerimaan secara lebih positif terhadap konsep persyarikatan, pengangguran yang semakin menurun dan kenaikan gaji yang lebih tinggi," ujarnya.

Beliau berkata, dengan dekad 1990-an yang lebih mencabar, kepercayaan kepada diri sendiri telah menjadi satu ele-

LIHAT MUKA 2

PERCAYA DIRI SENDIRI — PM

men terpenting untuk seluruh rakyat Malaysia.

Sebenarnya, kata Perdana Menteri, sebahagian daripada kejayaan negara ini tercapai kerana rakyat Malaysia cintakan kestabilan dan keamanan.

"Kita tidak mudah merusuh di jalan raya atau berminat menyelesaikan pertikaian perusahaan dengan cara yang boleh merosakkan iklim pelaburan negara sebaliknya kita tertib dan patuh kepada undang-undang dan peraturan," katanya.

Beliau menambah, pekerja negara ini sekarang menjadi lebih maju dan cekap serta membuat apa sahaja yang mampu dilakukan oleh pekerja negara maju.

Tetapi pelajaran juga, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, adalah semakin tinggi dan pendedahan kepada budaya asing yang buruk tidak menjejaskan pegangan kepada nilai-nilai yang murni.

Dalam pada itu, katanya, penerimaan terhadap konsep persyarikatan Malaysia semakin meluas dan kerjasama yang

baik wujud di antara kerajaan dan swasta.

"Kerjasama ini telah melicinkan lagi segala urusan pentadbiran dan perdagangan sehingga penswastan yang suatu masa dahulu menjadi kegiatan yang membebankan dan merugikan negara sekarang menguntungkan rakyat dan kerajaan," ujarnya.

Mengenai beban cukai pula, Perdana Menteri berkata, penurunan cukai adalah lebih bermakna daripada menambah pendapatan.

Di samping itu, katanya, gaji kebanyakan pekerja sudah naik dan pengangguran pula tidak menjadi satu bebanan lagi sebaliknya sekarang kerja mencari pekerja.

"Oleh itu saya ingin menyeru kepada setiap rakyat Malaysia supaya membuat resolusi tahun baru untuk menjayakan negara yang tercinta ini, negara yang telah memberi banyak nikmat kepada kita semua," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.